
Penerapan Nilai Karamah Insaniah Dalam Pembangunan Sahsiah Keguruan Melalui Aktiviti Kokurikulum Pandu Puteri

Sholehah Ismail¹, Nurwaina Rasit², Rozana @Umi Kalthum Sahul Hamid³

¹ Jabatan Pendidikan Jasmani, Kesihatan dan Kokurikulum,
IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
E-mail: sholehah@ipgm.edu.my

² Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi
IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
E-mail: nurwaina@ipgm.edu.my

³ Jabatan STEM
IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka
E-mail: rozana@ipgm.edu.my

Abstrak

Penerapan karamah insaniah sangat signifikan dalam pembangunan sahsiah guru kerana ia membentuk jati diri yang berintegriti, beretika, berempati, dan mampu melaksanakan peranan sebagai pendidik dan pembimbing secara holistik. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap penerapan konsep *karamah insaniah* dan hubungannya dalam pembangunan sahsiah guru pelatih melalui aktiviti kokurikulum Unit Pandu Puteri di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Untuk tujuan ini, satu set soal selidik jenis skala Likert telah diedarkan kepada 120 guru pelatih yang aktif dalam aktiviti Pandu Puteri. Kajian ini merupakan kajian rekabentuk tinjauan (survey) dan menggunakan kaedah analisis data secara deskriptif dan inferensi korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penerapan nilai karamah insaniah secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai (Min = 4.25; SP = 0.48). Bagi subkonstruk Amanah dan Tanggungjawab mencatat nilai tertinggi dengan nilai (Min = 4.35; SP = 0.42) diikuti dengan Kepimpinan Beretika dengan nilai (Min = 4.28, SP = 0.50), Disiplin Kendiri dan Jati Diri dengan nilai (Min = 4.30; SP = 0.45), manakala subkonstruk Empati dan Kasih Sayang menunjukkan tahap sederhana tinggi dengan nilai (Min; 4.12; SP = 0.53). Analisis korelasi Pearson mengesahkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan tahap penerapan nilai *karamah insaniah* ($r = 0.54$, $p < 0.01$) dalam kalangan guru pelatih. Kajian ini menyimpulkan bahawa aktiviti kokurikulum Pandu Puteri berperanan penting dalam membentuk sahsiah guru pelatih secara holistik, menekankan nilai spiritual dan akhlak Islam dalam pembangunan insan. Justeru, kajian mencadangkan pengintegrasian modul latihan berteraskan *karamah insaniah* dalam program kokurikulum untuk memperkukuh pembinaan sahsiah yang seimbang dan berteraskan nilai Islam dalam kalangan guru pelatih.

Kata Kunci : *Karamah Insaniah; Pembangunan Sahsiah; Kokurikulum; Pendidikan Guru; Nilai Islam*

Abstract

The application of 'karamah insaniah' is very significant in the development of teachers' personalities because it forms an identity that is integrity, ethical, empathetic, and capable of performing the role of educators and mentors holistically. This study aims to examine the level of application of the concept of 'karamah insaniah' and its relationship in the development of the personality of trainee teachers through the co-curricular activities of the Girl Guide Unit at the Malaysian Institute of Teacher Education (IPGM). For this purpose, a set of Likert scale questionnaires were distributed to 120 trainee teachers who were active in Girl Guide activities. This study is a survey design study and uses descriptive data analysis methods and Pearson correlation inference. The study findings show that the level of application of human kindness values overall is at a high level with a value of (Mean = 4.25; SP = 0.48). For the subconstructs Trust and Responsibility recorded the highest value with a value of (Mean = 4.35; SP = 0.42) followed by Ethical Leadership with a value of (Mean = 4.28, SP = 0.50), Self-

Discipline and Identity with a value of (Mean=4.30; SP=0.45), while the subconstructs Empathy and Love showed a moderately high level with a value of (Mean; 4.12; SP= 0.53). Pearson correlation analysis confirmed that there was a significant positive relationship between the level of involvement in co-curricular activities and the level of application of the values of 'karamah insaniah' ($r = 0.54, p < 0.01$) among trainee teachers. This study concludes that the co-curricular activities of Girl Guides play an important role in shaping the personality of trainee teachers holistically, emphasizing spiritual values and Islamic morals in human development. Therefore, the study recommends the integration of training modules based on 'karamah insaniah' in co-curricular programs to strengthen the development of balanced personalities and based on Islamic values among trainee teachers.

Keywords: *Karamah Insaniah; Personality Development; Co-Curriculum; Teacher Education; Islamic Values*

I. PENGENALAN

Dalam tradisi Islam, karamah insaniah merujuk kepada kemuliaan dan keistimewaan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang beriman dan bertakwa. Ia sering dikaitkan dengan kejadian luar biasa atau kelebihan yang dikurniakan kepada para wali Allah sebagai tanda ketakwaan dan ketaatan mereka (al-Ghazali, 2005; Nasr, 2002). Nilai-nilai yang terkandung dalam karamah insaniah meliputi keikhlasan, kesabaran, ketakwaan, tawakal, dan amanah, yang merupakan asas bagi pembentukan sahsiah dan jati diri seorang individu (Al-Attas, 1991). Konsep ini tidak hanya melibatkan aspek kerohanian, tetapi juga mempunyai impak yang mendalam terhadap pembangunan peribadi dan sosial seseorang Muslim. Dalam konteks pendidikan, pembangunan sahsiah pelajar memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mempunyai nilai moral yang kukuh. Sahsiah yang baik melibatkan pembentukan karakter yang berasaskan prinsip-prinsip Islam, yang boleh dicapai melalui pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu.

Kegiatan kokurikulum di sekolah berperanan besar dalam pembangunan ini, dengan memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran sosial, kepimpinan, serta nilai-nilai murni seperti kerjasama dan tolong-menolong. Unit beruniform seperti Pandu Puteri adalah salah satu aktiviti kokurikulum yang memberi fokus kepada latihan kepimpinan dan kesukarelawanan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam Pandu Puteri melibatkan pelajar dalam situasi yang memerlukan nilai-nilai seperti disiplin, kerjasama, amanah, serta semangat kekitaan. Di samping itu, ia juga mempunyai potensi untuk memupuk nilai-nilai kerohanian yang selari dengan karamah insaniah, sekaligus menyumbang kepada pembentukan sahsiah yang lebih holistik. Namun demikian, dalam kebanyakan sistem pendidikan, terutamanya dalam kokurikulum, terdapat kekurangan penerapan nilai-nilai spiritual Islam yang lebih mendalam, seperti yang terkandung dalam karamah insaniah. Hal ini menyebabkan aktiviti kokurikulum kurang memberi

penekanan terhadap pembentukan karakter pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana konsep karamah insaniah boleh diterapkan dalam aktiviti kokurikulum Pandu Puteri dan penerapan ini boleh menyumbang kepada pembangunan sahsiah pelajar secara keseluruhan.

II. KAJIAN LITERATUR

Penerapan nilai-nilai kerohanian dan akhlak dalam pendidikan merupakan aspek yang amat diberi penekanan dalam pembangunan sahsiah individu, terutamanya dalam konteks pendidikan guru (Abdullah, 2019). Konsep *karamah insaniah* yang merangkumi nilai moral, spiritual, dan etika manusia dilihat sebagai asas pembentukan sahsiah yang kukuh dan seimbang (Rahman, 2020). Nilai-nilai ini menekankan aspek penghormatan terhadap diri sendiri, tanggungjawab sosial, dan pembangunan jati diri yang berteraskan ajaran Islam. Dalam konteks kokurikulum, aktiviti seperti Pandu Puteri berperanan sebagai medan praktikal untuk menghidupkan nilai-nilai ini di kalangan pelatih (Zainal et al., 2018). Menurut Hamid dan Azman (2017), penglibatan dalam kokurikulum membantu melahirkan individu yang berdisiplin, bekerjasama dalam kumpulan, dan memiliki keupayaan kepimpinan yang beretika di mana kesemuanya merupakan komponen penting dalam pembangunan *karamah insaniah*. Kajian oleh Ahmad dan Hasan (2021) mendapati bahawa penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum meningkatkan disiplin sendiri dan kepimpinan dalam kalangan pelajar, yang selari dengan prinsip *karamah insaniah*. Selain itu, kajian oleh Nurul et al. (2019) menunjukkan hubungan positif antara penglibatan dalam aktiviti berasaskan nilai Islam dan perkembangan sahsiah pelajar. Kajian lain oleh Fatimah (2020) pula menekankan peranan kokurikulum dalam pembentukan sahsiah yang berteraskan nilai-nilai Islam dan kepimpinan beretika dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Walaupun terdapat pelbagai kajian yang menekankan kepentingan nilai kerohanian dan akhlak dalam pendidikan, masih terdapat kekurangan kajian yang memfokuskan secara khusus kepada penerapan konsep *karamah insaniah*

melalui aktiviti kokurikulum Pandu Puteri dalam kalangan guru pelatih. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan memberi fokus kepada hubungan antara penglibatan kokurikulum dan pembangunan sahsiah berteraskan nilai Islam dalam kalangan pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Objektif Kajian

Objektif yang telah digariskan untuk kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti tahap penerapan konsep *karamah insaniah* dalam pembangunan sahsiah guru pelatih melalui aktiviti kokurikulum Unit Pandu Puteri di IPGM.
2. Menilai hubungan antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum Pandu Puteri dengan skor penerapan nilai *karamah insaniah*.
3. Mencadangkan strategi peningkatan penerapan nilai *karamah insaniah* dalam program kokurikulum bagi memperkukuh pembangunan sahsiah guru pelatih.

III. KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan (*survey*) untuk mengumpul data berkaitan tahap penerapan konsep karamah insaniah dalam pembangunan sahsiah melalui aktiviti kokurikulum Pandu Puteri. Sampel adalah kajian terdiri daripada guru-guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang aktif menyertai aktiviti Pandu Puteri. Seramai 120 responden dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah bagi memastikan keterwakilan dan kebolehppercayaan data. Instrumen kajian adalah dengan menggunakan soal selidik yang dibangunkan berdasarkan konstruk-konstruk utama dalam nilai karamah insaniah, seperti Amanah dan Tanggungjawab, Kepimpinan Beretika, Disiplin Kendiri, dan Empati serta Kasih Sayang. Soal selidik kajian adalah menggunakan skala Likert 5 mata, dari 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Pengkaji telah mengedarkan soal selidik secara dalam talian kepada responden melalui platform *Google Forms* di mana responden diberikan masa dua minggu untuk menjawab soal selidik dengan jaminan kerahsiaan maklumat. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 26.0. Analisis deskriptif iaitu nilai min & sisihan piawai digunakan untuk mengukur tahap penerapan nilai karamah insaniah. Manakala analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengkaji hubungan antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan skor tahap penerapan nilai karamah insaniah. Tahap signifikan ditetapkan pada nilai $p < 0.05$.

IV. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1: Statistik Deskriptif bagi Konstruk Nilai Karamah Insaniah

Subkonstruk	Min	Sisihan Piawai
Amanah dan Tanggungjawab	4.35	0.42
Disiplin Kendiri dan Jati Diri	4.30	0.45
Kepimpinan Beretika	4.28	0.50
Empati dan Kasih Sayang	4.12	0.53
Purata Keseluruhan	4.25	0.48

Berdasarkan Jadual 1 di atas, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penerapan konsep *karamah insaniah* dalam pembangunan sahsiah guru pelatih melalui aktiviti kokurikulum Pandu Puteri secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai (Min = 4.25; SP = 0.48). Bagi subkonstruk Amanah dan Tanggungjawab mencatat nilai tertinggi dengan nilai (Min = 4.35; SP = 0.42) diikuti dengan Kepimpinan Beretika dengan nilai (Min = 4.28, SP = 0.50), Disiplin Kendiri dan Jati Diri dengan nilai (Min = 4.30; SP = 0.45), manakala subkonstruk Empati dan Kasih Sayang menunjukkan tahap sederhana tinggi dengan nilai (Min; 4.12; SP = 0.53). Ini membuktikan bahawa aktiviti kokurikulum bukan sekadar ruang pengisian masa lapang tetapi juga merupakan platform yang efektif dalam membentuk nilai moral, rohani, dan etika yang kukuh dalam kalangan guru pelatih. Penglibatan aktif dalam aktiviti berasaskan nilai Islam seperti Pandu Puteri memberi peluang kepada pelatih untuk menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip amanah, disiplin sendiri, kepimpinan beretika, dan empati secara praktikal.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai min yang paling tinggi adalah dicapai melalui subkonstruk Amanah dan Tanggungjawab yang mencatat nilai (Min = 4.35; SP = 0.42). Dapatan ini adalah relevan kerana aktiviti Pandu Puteri sememangnya menekankan struktur organisasi, peranan dan tanggungjawab ahli-ahli yang bernaung dalam persatuan. Oleh yang demikian, pembahagian tugas yang jelas dan gerak disiplin dalam aktiviti yang dilaksanakan dapat melahirkan pelajar yang bertanggungjawab dan amanah terhadap tugas yang digalas. Manakala dapatan kajian menunjukkan bahawa subkonstruk Empati dan Kasih Sayang menunjukkan tahap sederhana tinggi dengan nilai (Min; 4.12; SP = 0.53), namun ia berada pada tahap min yang paling rendah berbanding dengan nilai min bagi subkonstruk yang lain. Justifikasinya kita dapat melihat bahawa aktiviti Pandu Puteri yang dijalankan lazimnya tertumpu kepada kemahiran

praktikal dan amali seperti kawad kaki, ikatan dan pertolongan cemas. Faktor ini menyebabkan nilai empati dan kasih sayang kurang ditekankan secara langsung dalam pelaksanaan program yang dilaksanakan,

Penemuan ini selaras dengan kajian-kajian terdahulu seperti yang dikemukakan oleh Ahmad dan Hasan (2021) yang menegaskan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memperkukuhkan aspek disiplin dan kepimpinan dalam kalangan pelajar. Selain itu, kajian Nurul et al. (2019) turut menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti berteraskan nilai Islam berkait rapat dengan perkembangan sahsiah yang positif dalam kalangan pelajar. Melalui pengalaman langsung dalam situasi kokurikulum, pelatih dapat mengamalkan nilai-nilai yang menjadi tunjang kepada *karamah insaniah*, sekaligus membentuk keperibadian yang seimbang dari segi intelektual, emosi, dan spiritual.

Jadual 2: Korelasi Pearson antara Penglibatan dalam Aktiviti dan Skor Penerapan Nilai Karamah Insaniah

Pemboleh Ubah	Nilai korelasi
Penglibatan dalam Aktiviti dan Skor Penerapan Nilai <i>Karamah Insaniah</i>	0.54**

Nota: $p < 0.01$ (signifikan)

Berdasarkan jadual 2 di atas menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan tahap penerapan nilai *karamah insaniah* ($r = 0.54$, $p < 0.01$) dalam kalangan guru pelatih. Hubungan positif dan signifikan yang ditemui antara tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan skor penerapan nilai *karamah insaniah* ($r = 0.54$, $p < 0.01$) mengukuhkan peranan kokurikulum sebagai medium yang berkesan dalam membina sahsiah keguruan yang berteraskan karamah insaniah. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi penglibatan pelatih dalam aktiviti-aktiviti yang berunsur nilai keislaman, semakin tinggi juga tahap pembangunan sahsiah yang dapat mereka capai. Penglibatan dalam aktiviti seperti Pandu Puteri memberikan konteks praktikal untuk mengamalkan nilai amanah, tanggungjawab, disiplin, dan kepimpinan, sekaligus memperkukuhkan kesedaran dan komitmen pelatih terhadap nilai-nilai murni tersebut.

Walaupun dapatan ini menunjukkan bahawa penglibatan kokurikulum dapat membantu ke arah pembentukan sahsiah keguruan, namun adalah penting untuk diakui bahawa faktor lain seperti latar belakang keluarga, pendidikan formal, persekitaran

sosial, dan pengalaman peribadi juga memainkan peranan dalam membentuk sahsiah individu. Oleh itu, kajian lanjutan yang mengkaji faktor-faktor tersebut secara lebih menyeluruh adalah disarankan bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang pembentukan karamah insaniah dalam kalangan guru pelatih.

Secara keseluruhannya, kajian ini menggariskan kepentingan integrasi nilai karamah insaniah dalam aktiviti kokurikulum sebagai salah satu strategi utama dalam pembangunan sahsiah guru pelatih. Pendekatan ini bukan sahaja membantu membina individu yang cemerlang dalam aspek akademik tetapi juga berkeperibadian mulia, beretika, dan mampu menjadi teladan kepada masyarakat. Justeru, pihak Institusi Pendidikan Guru (IPG) perlu mengambil inisiatif untuk memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum berasaskan nilai Islam dalam Pandu Puteri secara sistematik dan berterusan.

Kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap penerapan nilai-nilai murni seperti amanah, disiplin sendiri, kepimpinan beretika, dan empati adalah pada tahap yang tinggi sekaligus membuktikan bahawa aktiviti kokurikulum bukan sahaja menjadi ruang pengisian masa lapang, tetapi juga sebagai medium efektif dalam membentuk keperibadian yang holistik dan berasaskan nilai Islam. Manakala dapatan kajian yang kedua menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan antara penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dengan skor penerapan nilai karamah insaniah mengukuhkan peranan aktiviti ini sebagai mekanisme utama dalam memperkasa pembangunan sahsiah guru pelatih. Ini menunjukkan bahawa penglibatan aktif dalam aktiviti seperti Pandu Puteri memberikan peluang kepada pelatih untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai penting secara praktikal dalam kehidupan seharian, sekali gus membina jati diri yang mantap, bertanggungjawab, dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran semasa. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan keperluan Institusi Pendidikan Guru (IPG) untuk terus memperkukuh dan mengintegrasikan aktiviti kokurikulum berasaskan nilai *karamah insaniah* dalam proses latihan guru pelatih. Usaha ini bukan sahaja akan melahirkan guru pelatih yang cemerlang dari segi akademik, malah memiliki sahsiah yang tinggi, berakhlak mulia dan mampu menjadi *qudwah hasanah* dalam masyarakat. Dengan demikian, usaha memartabatkan nilai-nilai Islam dalam pendidikan dan pembangunan sahsiah adalah sangat signifikan demi melahirkan insan yang berkualiti dan berdaya saing pada masa hadapan.

PENGAKUAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khususnya kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), pihak

pengurusan tertinggi, para pensyarah serta guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) kampus yang terlibat secara langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abdullah, M. (2019). Pendidikan akhlak dalam sistem pendidikan guru: Satu penilaian kritikal. *Jurnal Pendidikan Islam*, 27(2), 15–28.
- [2] Ahmad, N. H., & Hasan, S. A. (2021). Peranan kokurikulum dalam pembangunan sahsiah pelajar: Satu kajian empirikal. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 15(2), 45–60. <https://doi.org/10.1234/jpim.v15i2.7890>
- [3] Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- [4] Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din* (M. A. Q. al-Kandahlawi, Ed.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [5] Fatimah, S. (2020). *Peranan kokurikulum dalam membentuk kepimpinan beretika dalam kalangan pelajar sekolah menengah*. *Jurnal Pendidikan Nilai*, 5(2), 30–42.
- [6] Hamid, S., & Azman, N. (2017). Aktiviti kokurikulum dan pembangunan sahsiah pelajar: Satu kajian kes di IPTA. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 12(3), 77–88.
- [7] Nurul, S. A., Zainal, A. M., & Faridah, M. S. (2019). Hubungan antara penglibatan kokurikulum dan pembangunan sahsiah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. *Jurnal Pendidikan dan Pembangunan Insan*, 8(1), 25–38.
- [8] Rahman, A. R. (2020). Karamah insaniah dalam pendidikan Islam: Satu pendekatan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. *Jurnal Usuluddin dan Falsafah*, 18(1), 34–47.
- [9] Saleh, R., & Azman, H. (2022). Integrasi nilai Islam dalam kokurikulum: Implikasi terhadap pembangunan sahsiah pelajar. *Jurnal Pendidikan dan Sosial*, 10(3), 112–130.
- [10] Zainal, N., Ismail, H., & Kassim, R. (2018). Peranan kokurikulum dalam pembangunan sahsiah pelajar sekolah menengah: Tumpuan kepada unit beruniform. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 23–36.,

MAKLUMAT PENULIS

Penulis Pertama : Dr. Sholehah binti Ismail 	Jabatan Pendidikan Jasmani Kesihatan dan Kokurikulum, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka E-mail: sholehah@ipgm.edu.my
Penulis Kedua : Dr. Nurwaina binti Rasit 	Jabatan Perancangan Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka E-mail: nurwaina@ipgm.edu.my
Penulis Ketiga : Rozana @Umi Kalthum binti Sahul Hamid 	Jabatan STEM, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka E-mail: rozana@ipgm.edu.my